

**ETIKA DAN ADAB PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM
PEMBELAJARAN BAHASA ARAB MENURUT PERSPEKTIF IMAM AL-GHAZALI
DAN IBN MISKAWAYH**

Muhamad Fairuz Ali¹

Kamarul Shukri Mat Teh¹

¹Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia. (Email: mfairuz@unipsas.edu.my)¹

ABSTRAK

Perkembangan pesat Kecerdasan Buatan (AI) dalam bidang pendidikan bahasa Arab menjanjikan peningkatan keberkesanan pembelajaran, namun menimbulkan persoalan kritikal tentang etika, nilai moral dan tanggungjawab manusia. Artikel ini bertujuan meneliti prinsip etika Imam al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam konteks aplikasi AI dalam pembelajaran bahasa Arab serta merumuskan model etika AI Islamik berdasarkan sintesis pemikiran mereka. Metodologi yang digunakan ialah analisis kualitatif dokumen teks klasik seperti *Ihya' 'Ulum al-Din* dan *Tahdhib al-Akhlaq*, serta kajian literatur kontemporari berkaitan AI dan pendidikan bahasa Arab. Dapatan menunjukkan bahawa al-Ghazali dan Ibn Miskawayh sama-sama menekankan aspek niat, tanggungjawab (amanah), akhlak, pengawalan terhadap kebergantungan teknologi serta bimbingan guru. Artikel ini mencadangkan Model Etika AI Islamik untuk Pembelajaran Bahasa Arab yang merangkumi komponen niat, adab, kawalan pemanfaatan dan pemantauan institusi. Implikasi kajian ini meliputi pembentukan garis panduan etika institusi, pengembangan aplikasi AI beretika, serta pengukuhan pendidikan Islam yang mengimbangi teknologi dan nilai.

Kata kunci: Kecerdasan Buatan, Etika Islam, Imam al-Ghazali, Ibn Miskawayh, Bahasa Arab.

¹Diterima; 20 Oktober 2025. Disemak; 23 November 2025, Diterbitkan; 29 Disember 2025.

**ETHICS AND ETIQUETTE IN THE USE OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) IN
ARABIC LANGUAGE LEARNING FROM THE PERSPECTIVE OF IMAM AL-
GHAZALI AND IBN MISKAWAYH**

ABSTRACT

The rapid advancement of Artificial Intelligence (AI) in the field of Arabic language education promises enhanced learning effectiveness but raises critical concerns regarding ethics, moral values, and human responsibility. This article aims to examine the ethical principles of Imam al-Ghazali and Ibn Miskawayh within the context of AI applications in Arabic language learning and to propose an Islamic AI Ethical Model based on a synthesis of their thought. The methodology employed is a qualitative analysis of classical texts such as *Ihya' 'Ulum al-Din* and *Tahdhib al-Akhlaq*, alongside a review of contemporary literature on AI and Arabic language education. The findings reveal that both al-Ghazali and Ibn Miskawayh emphasize the importance of intention (*ikhlas*), responsibility (*amanah*), balance (*i'tidal*), and moderation in technological dependence. This study proposes an Islamic AI Ethical Model for Arabic Language Learning comprising elements of intention, etiquette (*adab*), controlled utilization, and institutional supervision. The implications of this research include the formulation of institutional ethical guidelines, the development of ethically grounded AI applications, and the strengthening of Islamic education that harmonizes technology with moral and spiritual values.

Keywords: Artificial Intelligence, Islamic Ethics, Imam al-Ghazali, Ibn Miskawayh, Arabic Language.

Pendahuluan

Kecerdasan Buatan (AI) kini semakin meresap dalam pelbagai aspek pendidikan, termasuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Alat seperti chatbot, sistem penilaian automatik, aplikasi koreksi tatabahasa, dan sistem latihan adaptif telah digunakan oleh institusi pendidikan Islam dan bukan Islam. Keunggulan AI ialah keupayaan mempercepat proses latihan, membekalkan maklum balas segera, dan menyesuaikan kandungan bagi pelajar yang berbeza tahap (Ikhwan & Aan, 2025). Walau bagaimanapun, Bu (2022) menyatakan penggunaan AI membawa risiko seperti ketergantungan, penyalahgunaan, kehilangan nilai kemanusiaan, dan tantangan dalam menjaga amanah data pelajar.

Dalam kerangka pendidikan Islam, adalah penting agar penggunaan teknologi seperti AI tidak memisahkan nilai dari proses pembelajaran. Imam al-Ghazali dan Ibn Miskawayh adalah dua tokoh besar dalam tradisi Islam yang mendalami tema ilmu, akhlak dan nilai moral (Hamim, 2014). Pemikiran mereka terhadap etika ilmu dan adab manusia terhadap teknologi dapat dijadikan asas untuk membina kerangka etika AI Islamik kontemporari, meskipun mereka hidup di zaman pra-teknologi.

Dalam konteks ini, timbul keperluan mendesak untuk menilai semula hubungan antara teknologi dan nilai kemanusiaan dalam pendidikan bahasa Arab (Ab Majid & Ismail, 2018). Peranan AI bukan sekadar alat bantu mekanikal, tetapi juga entiti yang mempengaruhi corak pemikiran, interaksi sosial, dan pembentukan adab digital dalam kalangan pelajar. Kajian oleh Bakar et al. (2025) menegaskan bahawa tanpa panduan etika yang kukuh, penggunaan AI dalam pendidikan Islam berisiko menjejaskan dimensi spiritual dan nilai tazkiyah yang menjadi asas dalam proses pembelajaran bahasa al-Quran. Justeru, penggabungan prinsip etika Islam yang berakar daripada pemikiran klasik seperti al-Ghazali dan Ibn Miskawayh amat signifikan untuk memastikan teknologi tidak hanya efisien, tetapi juga berakhlak dan berorientasikan kemaslahatan insan.

Justeru, artikel ini berusaha menjawab persoalan: Bagaimana prinsip etika kedua tokoh ini boleh diaplikasikan dalam konteks AI untuk pembelajaran bahasa Arab? dan Apakah komponen utama model etika AI Islamik yang sesuai dengan pendidikan Arab masa kini?

Sorotan Literatur

Kecerdasan Buatan (AI) telah mula memainkan peranan yang semakin penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kajian semasa menunjukkan AI memberi manfaat seperti maklum balas segera, pembelajaran adaptif dan peningkatan kemahiran mendengar, berbicara, membaca dan menulis dalam bahasa Arab bukan penutur asli. Sebagai contoh, kajian-kajian seperti Nurhasanah dan Pahrudin (2025), Ramadhan (2023), Hadi dan Qohar (2024) memperlihatkan bagaimana teknologi AI dapat meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam bahasa Arab.

Namun begitu, terdapat jurang dalam literatur berhubung nilai, niat, dan pengawasan manusia serta aspek etika yang kurang disentuh meskipun perkara ini penting dalam membimbing penggunaan AI agar tidak melampaui batas moral dan agama. Permasalahan nilai muncul apabila AI digunakan tanpa kawalan manusia yang jelas. Contohnya Anderljung et al., (2025) dalam kajiannya menyebut isu seperti data pengguna, ketepatan konteks dan kepekaan budaya sering diabaikan semasa menggunakan AI. Maulana et al., (2024) pula menyatakan pelajar cenderung menyalin semula tugas dari pensyarah menggunakan ChatGPT yang menyebabkan kesukaran bakal dihadapi mereka semasa menempuh alam pekerjaan kelak.

Dalam menghubungkan isu ini, ilmuwan Islam seperti Imam al-Ghazali dan Ibn Miskawayh memberikan perhatian mendalam kepada hubungan antara ilmu dan akhlak. Al-Ghazali (2011) dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* menegaskan bahawa ilmu tanpa akhlak akan membawa kepada kerosakan sosial serta persoalan moral tentang bagaimana ilmu digunakan. Manakala Ibn Miskawayh (2017) dalam *Tahdhib al-Akhlaq* melihat akhlak bukan hanya sebagai tindakan luaran tetapi sebagai hasil latihan akal dan jiwa yang seimbang antara keinginan, emosi, dan kebijaksanaan, konsep *al-i'tidal*. Pemikiran mereka menolak pemisahan antara ilmu, teknologi, dan nilai moral, justeru membentuk landasan teori yang relevan apabila mengaplikasikan AI dalam pendidikan Bahasa Arab.

Selain itu, kajian Nikmah (2025) berkaitan “God-Conscious AI: Maqasid al-Shari’ah in Algorithmic Design” menampilkan pendekatan maqasid al-shariah sebagai kerangka etika yang relevan untuk teknologi moden termasuk AI. Artikel tersebut menggariskan bahawa prinsip-prinsip seperti *‘adl* (keadilan), *taklif* (tanggungjawab), dan *karamah insaniyyah* (kemuliaan manusia) adalah penting untuk menghadapi fenomena dehumanisasi, bias algoritma, dan kurangnya akauntabiliti dalam sistem AI. Pandangan ini sejajar dengan pemikiran al-Ghazali dan Ibn Miskawayh, yang menekankan integrasi nilai moral dalam penggunaan ilmu dan teknologi supaya teknologi tidak mengikis identiti Islam dan nilai kemanusiaan.

Kesatuan antara AI dalam pendidikan bahasa Arab dan etika Islam klasik menunjukkan keperluan kepada model yang bukan sahaja menumpukan pada keberkesanan teknikal tetapi juga pada nilai moral dan spiritual (Hago Elmahdi et al., 2025). AI mampu mempercepat kemajuan tatabahasa, pembetulan automatik, latihan adaptif dan sokongan individu, tetapi jika tanpa niat yang betul (ikhlas), tanggungjawab (amanah), dan pengawasan institusi, risiko penyalahgunaan, kehilangan adab, dan ketidakadilan tetap wujud. Pemikiran al-Ghazali dan Ibn Miskawayh menyediakan asas yang kukuh untuk membangunkan model etika AI Islamik yang holistik dan seimbang antara keupayaan teknologi dan nilai moral.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Meneliti prinsip etika Imam al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam konteks aplikasi AI dalam pembelajaran bahasa Arab.
2. Merumuskan model etika AI Islamik berdasarkan sintesis pemikiran melalui kitab *Ihya' Ulum al-Din* dan *Tahdhib al-Akhlaq*.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen atau *library-based research*. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti dan memahami pemikiran etika Islam yang bersumber daripada karya klasik serta literatur kontemporari berkaitan kecerdasan buatan (AI) dan pendidikan bahasa Arab. Analisis dokumen membolehkan penyelidik menelusuri secara mendalam prinsip-prinsip etika yang terkandung dalam karya ilmiah al-Ghazali dan Ibn Miskawayh, serta membandingkannya dengan perbincangan moden mengenai etika teknologi. Melalui reka bentuk ini, kajian berusaha membina satu sintesis pemikiran etika Islam yang dapat diaplikasikan secara kontekstual dalam penggunaan AI bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian berkaitan objektif pertama adalah seperti berikut:

Akhlak

Imam al-Ghazali menekankan bahawa pembentukan akhlak adalah teras sebenar dalam pembangunan insan, kerana akhlak yang baik lahir daripada jiwa yang disucikan melalui mujahadah dan amalan yang konsisten. Proses ini bukan sekadar melahirkan individu berilmu, tetapi membentuk manusia yang mampu menimbang antara benar dan salah dalam setiap Tindakan (Sekarningrum et al., 2024). Dalam dunia moden yang dikuasai teknologi dan AI, penggunaan dalam pendidikan perlu berasaskan etika agar tidak menenggelamkan akal budi manusia. Menurut Ibn Miskawaih, akhlak ialah keadaan jiwa yang terbentuk melalui latihan berterusan hingga menjadi sifat semula jadi yang membimbing manusia bertindak dengan hikmah (Nizar et al., 2017).

Niat Ikhlas

Kedua-dua tokoh ini menegaskan bahawa setiap perbuatan manusia, termasuk penggunaan dan pembangunan teknologi, mesti berasaskan niat yang ikhlas kerana Allah SWT. Niat inilah yang membezakan antara amal yang membawa keberkatan dengan tindakan yang sekadar bersifat duniawi. Dalam konteks kecerdasan buatan (AI) bagi pembelajaran bahasa Arab, prinsip ini amat penting kerana setiap maklumat yang diperolehi dengan bantuan AI hendaklah digunakan untuk tujuan pendidikan yang murni, menanamkan kecintaan terhadap ilmu dan bahasa al-Quran, serta memperkukuh nilai insan dan adab dalam proses pembelajaran. Justeru, penggunaan AI tidak

boleh didorong oleh motif keuntungan atau bantuan dalam menyiapkan tugas kelas semata-mata, tetapi perlu berpaksikan kepada pembangunan akal, roh, dan akhlak pelajar (Busroli, 2019).

Tanggungjawab dan Amanah

Al-Ghazali memperingatkan bahawa ilmu adalah amanah. Para pelajar atau pengguna AI mesti menjaga keaslian dan integriti sesuatu bahan yang mereka ambil daripada sumber ini. Ibn Miskawayh pula melibatkan unsur akal dan jiwa dalam mengambil tanggungjawab moral. Dalam AI, tanggungjawab ini meliputi perlindungan data pelajar, keadilan dalam algoritma, penyalahgunaan maklumat dan ketelusan sistem (Busroli, 2019).

Bimbingan guru

Imam al-Ghazali menegaskan bahawa proses menuntut ilmu tidak boleh dipisahkan daripada peranan guru dan adab terhadapnya kerana ilmu yang diperoleh tanpa bimbingan guru berpotensi menyesatkan dan kehilangan keberkatan (Ulum & Fahmi, 2023). Hal ini disokong dengan pendapat ibn Miskawaih yang mengatakan keberhasilan ilmu bukan hanya terletak pada penguasaan maklumat, tetapi pada hubungan rohani antara murid dan guru yang melahirkan adab, mujahadah, dan keikhlasan dalam mencari kebenaran (Supriaji, 2021). Dalam konteks kecerdasan buatan (AI) masa kini, walaupun AI mampu menyediakan maklumat dan analisis yang luas, ia tetap memerlukan panduan manusia berautoriti untuk memastikan kesahihan data, ketepatan konteks dan pemeliharaan nilai adab dalam pembelajaran. Justeru, AI seharusnya berperanan sebagai alat bantu guru, bukan pengganti sepenuhnya, agar proses pendidikan terus berteraskan adab, hikmah, dan pengawasan akhlak sebagaimana ditekankan oleh Imam al-Ghazali.


Pemantauan Institusi

Imam al-Ghazali menekankan kepentingan muraqabah (pemantauan sendiri) dan muhasabah (penilaian diri) sebagai asas pembinaan jiwa dan akhlak (Shukor et al., 2023). Menurutnya, penuntut ilmu mesti sentiasa menilai niat dan tindakannya agar ilmu membawa kepada keredaan Allah, bukan sekadar pencapaian duniawi. Prinsip ini relevan dengan penggunaan AI dalam pembelajaran bahasa Arab, di mana pelajar perlu menilai semula cara mereka berinteraksi dengan teknologi agar ia digunakan secara beradab, beretika, dan memperkukuh nilai kerohanian dalam proses menuntut ilmu.

Model Etika AI Islamik untuk pembelajaran Bahasa Arab

Berikut adalah dapatan objektif kedua iaitu penghasilan Model Etika AI Islamik untuk pembelajaran bahasa Arab:

Model Etika AI Islamik untuk Pengajaran Bahasa Arab



Model Etika AI Islamik dalam pembelajaran bahasa Arab menekankan nilai akhlak sebagai asas kepada penggunaan teknologi secara berhikmah, sejajar dengan pandangan Ibn Miskawaih (2017) bahawa akhlak ialah keadaan jiwa yang membimbing manusia bertindak dengan kebaikan. Dalam konteks ini, akhlak berperanan memastikan guru dan pelajar menggunakan kecerdasan buatan dengan adab serta niat yang betul, bukan sekadar mengejar kemudahan atau kecepatan, tetapi untuk memperkukuh kefahaman terhadap bahasa al-Quran (Al-Ghazali, 2011).

Nilai ikhlas turut menjadi prinsip teras dalam etika Islam, di mana AI harus dimanfaatkan untuk tujuan pendidikan yang murni dan *ta'dib*, bukan untuk kepentingan duniawi semata (Anwar, 2024). Seterusnya, prinsip amanah menuntut integriti dan tanggungjawab dalam penggunaan AI, termasuk mengelakkan penipuan akademik dan memastikan ketulenan hasil pembelajaran (Yatri et al., 2023). Dalam kerangka ini, peranan guru kekal penting sebagai pembimbing rohani dan intelektual, manakala AI berfungsi sebagai bahan bantu yang memperkukuh strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Muhamad Fairuz, 2023). Akhirnya, pemantauan institusi melalui amalan *muraqabah* dan *muhasabah* menjadi pelengkap kepada triangulasi etika Islamik dalam

pendidikan moden, memastikan bahawa penggunaan AI berada dalam landasan yang berakauntabiliti, beradab dan berpaksikan nilai keinsanan (Shukor et al., 2023).

Kesimpulan

Kesimpulannya, Kecerdasan buatan dalam pembelajaran bahasa Arab tidak boleh dilihat sebagai alat teknikal semata-mata, tetapi perlu disandarkan pada asas etika Islam yang kukuh. Pemikiran al-Ghazali dan Ibn Miskawayh menawarkan panduan komprehensif tentang bagaimana manusia perlu mengawal teknologi agar tidak menyeleweng daripada maqasid syariah. Kajian ini membuka ruang kepada pembangunan “Model Etika AI Islamik” sebagai panduan dasar bagi institusi pendidikan Islam yang menggunakan teknologi AI dalam P&P bahasa Arab.

Rujukan

- Ab Majid, M. R., & Ismail, Z. (2018). Pengetahuan teknologi guru Bahasa Arab dan hubungannya dengan kreativiti pengajaran di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 18(1), 1.
- Al-Ghazali (2011). Ihya' Ulum al-Din. In *Dar al-Ma'rifah* (Vol. 66, Issue July). 1736-1764.
- Anderljung, M., Hazell, J., & von Knebel, M. (2025). Protecting society from AI misuse: When are restrictions on capabilities warranted? *AI & SOCIETY*, 40(5), 3841–3857.
- Anwar, Y. (2024). *Konsep At-ta'dib Menurut Naquib Al-Attas Dan Relevansinya Terhadap Peningkatan Karakter Religius Di SMP Ma'arif 2 Ponorogo*. IAIN Ponorogo.
- Bakar, S. B. A., Hussin, H. B., Ahmad, Z. A. S. Bin, & Rozaini, M. A. S. Bin. (2025). Reconstructing Artificial Intelligence Ethics through Qur'anic Values of Ihsan and Amanah Using Thematic Exegesis. *QURANICA-International Journal of Quranic Research*, 17(2), 429–446.
- Bu, Q. (2022). Ethical risks in integrating artificial intelligence into education and potential countermeasures. *Science Insights*, 41(1), 561–566.
- Busroli, A. (2019). Pendidikan akhlak Ibnu Miskawaih dan Imam al-Ghazali dalam pendidikan karakter di Indonesia. *Islamic Religion Teaching and Learning Journal*, 4. 236-251.
- Hadi, M., & Qohar, H. A. (2024). Peran Artificial Intelligence dalam Meningkatkan Pembelajaran Interaktif Bahasa Arab. *Ranah Research: Journal of Multidisciplinary Research and Development*, 6(6), 3010–3023.
- Hago Elmahdi, O. E., Allehyani, F. S., & AbdAlgane, M. (2025). Exploring the Ethical Implications and Cultural Considerations in Using AI Technologies for EFL Education in the Saudi Context. *Nsukka Journal of the Humanities*, 33(2).
- Hamim, N. (2014). Pendidikan akhlak: komparasi konsep pendidikan ibnu Miskawaih dan al-

- Ghazali. *Uhumuna*, 18(1), 21–40.
- Ibn Miskawaih. (2017). Tahzib al-Akhlaq. In *Muassasah Hindawi*. Kaherah.
- Ikhwan, S., & Aan, M. (2025). *Artificial Intelligence (AI) dan Pendidikan Bahasa Arab: Sebuah Revolusi Pembelajaran Bahasa Arab*. Penerbit Abdi Fama.
- Maulana, A., Azzahra, S., Kusuma, A. D., & Fadhila, A. I. (2024). Pengaruh Penggunaan Artificial Intelligence dalam Pengerjaan Tugas Kuliah Terhadap Berpikir Kritis Mahasiswa PAI UNJ. *Synergy: Jurnal Ilmiah Multidisiplin*, 1(04), 283–292.
- Muhamad Fairuz. A. (2023). Aplikasi Telefon Pintar dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Sorotan Literatur terhadap Modul Pembelajaran Berasaskan Teknologi. *Jurnal Al-Haady*, November 2023, 1–23.
- Nikmah, M. (2025). God-Conscious AI: Maqasid al-Shari'ah in Algorithmic Design. *Salam Institute Islamic Studies*, 2(1), 13–20.
- Nizar, N., Barsihannor, B., & Amri, M. (2017). Pemikiran Etika Ibnu Miskawaih. *Kuriositas*, 49–59.
- Nurhasanah, S., & Pahrudin, D. (2025). Pemanfaatan Media Pembelajaran Bahasa Arab Berbasis Artificial Intelligence Melalui Aplikasi Canva. *Ta'bir Al-'Arabiyyah: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab Dan Ilmu Kebahasaaraban*, 3(1), 14–19.
- Ramadhan, A. R. (2023). Strategi penggunaan chatbot artificial intelligence dalam pembelajaran Bahasa Arab pada perguruan tinggi di Indonesia. *Jurnal Oase Nusantara*, 2(2), 77–86.
- Sekarningrum, R., Rohma, A. M., & Bakar, M. Y. A. (2024). Menelusuri Jejak Kurikulum Pendidikan Imam Ghazali: Integrasi Ilmu Keislaman dalam Fiqih, Hadis, dan Bahasa Arab. *Journal Sains Student Research*, 2(6), 357–368.
- Shukor, K. A., Noor, A. F. M., Hamdan, N., Selamat, A. Z., Salleh, S., Salim, S. S. M., Hussin, N. I., & Abd Razak, M. I. (2023). Kerangka Pengaturan Kendiri melalui Konsep Muraqabah dan Muhasabah Imam Al-Ghazali. *Jurnal 'Ulwan*, 8(3), 152–162.
- Supriaji, U. (2021). Pemikiran Ibnu Miskawaih tentang konsep pendidikan karakter akhlak. *Jurnal Kridatama Sains Dan Teknologi*, Centrel Java. 3(02), 108–116.
- Ulum, M. A. F., & Fahmi, M. (2023). The concept of qalbu education according to Imam Ghazali. *Maharot: Journal of Islamic Education*, Madura. 7(2), 190–197.
- Yatri, D., Anugerahwati, M., & Setyowati, L. (2023). Artificial Intelligence (Ai) in Language Learning (English and Arabic Class): Students' and Teachers' Experience and Perceptions. *Transformational Language Literature and Technology Overview in Learning (Transtool)*,

3(1), 1–12. <https://doi.org/10.55047/transtool.v3i1.1338>